



NAMA:

KELAS:

1223/1

**MODUL PINTAS
PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2024
PENDIDIKAN ISLAM
TINGKATAN 5
Kertas 1**

2 jam 30 Minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi lima soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*

Jawab semua soalan

1 (a) Firman Allah SWT:

قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِكُمْ سُنَنٌ فَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الْمُكَذِّبِينَ ﴿١٣٧﴾
هَذَا بَيَانٌ لِلنَّاسِ وَهُدًى وَمَوْعِظَةٌ لِّلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٨﴾ وَلَا تَهِنُوا وَلَا تَحْزَنُوا وَأَنْتُمْ الْأَعْلَوْنَ إِن كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿١٣٩﴾

(Surah Ali Imran: 137-139)

Ayat di atas menerangkan tentang konsep sunnatullah dalam kehidupan.

Berdasarkan ayat di atas,

- (i) Apakah maksud sunnatullah? [2 markah]
- (ii) Jelaskan dua kepentingan mengkaji dan meneliti sejarah umat terdahulu terhadap umat Islam. [2 markah]
- (iii) Terangkan dua pengajaran ayat di atas. [4 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ ، يَقُولُ : سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ : كُلُّكُمْ رَاعٍ ، وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ ، الْإِمَامُ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ ، وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي أَهْلِهِ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ ، وَالْمَرْأَةُ رَاعِيَةٌ فِي بَيْتِ زَوْجِهَا وَمَسْئُولَةٌ عَنْ رَعِيَّتِهَا ، وَالخَادِمُ رَاعٍ فِي مَالِ سَيِّدِهِ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ ، - قَالَ : - وَحَسِبْتُ أَنْ قَدْ قَالَ - وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي مَالِ أَبِيهِ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ ، - وَكُلُّكُمْ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ . (متفق عليه)

Hadis di atas menerangkan setiap individu mempunyai tanggungjawab masing-masing.

Berdasarkan hadis di atas,

- (i) Nyatakan dua individu tersebut selain pekerja. [2 markah]
- (ii) Jelaskan dua tanggungjawab seorang pekerja kepada majikannya. [4 markah]

BEKERJA SEBAGAI IBADAT

- (iii) Huraikan pandangan anda tentang kesan jika mengamalkan pernyataan di atas dalam kehidupan. [4 markah]

(c) Nyatakan dua bahagian ibtida'.

[2 markah]

2 (a) Al-Muntaqim merupakan satu daripada nama-nama Allah SWT.

- (i) Nyatakan maksud nama Allah SWT al-Muntaqim. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** cara untuk membuktikan keimanan anda kepada Allah SWT yang bersifat al-Muntaqim. [4 markah]



- (iii) Berdasarkan gambar di atas, kemukakan hujah anda dengan mengaitkannya dengan nama Allah SWT al-Muntaqim. [4 markah]

(b) Syiah merupakan aliran yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunah Wal Jamaah.

- (i) Nyatakan sejarah kemunculan kumpulan Syiah. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** prinsip utama kumpulan Syiah. [4 markah]

Syiah adalah satu ajaran menyeweng daripada Islam dan perkara itu sudah diputuskan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan sejak 1996. Bagaimanapun ajaran berkenaan dikesan masih berkembang sehingga kini termasuk wujud usaha kumpulan tertentu yang menerima dana daripada luar negara bertujuan untuk mengembangkannya di negara ini.

Sumber ubah suai: myMetro 2 Disember, 2018

- (iii) Kemukakan pandangan anda sekiranya situasi tersebut dibiarkan berleluasa dalam masyarakat. [4 markah]

3 (a) Akikah merupakan ibadat yang dituntut dalam Islam.

- (i) Nyatakan **dua** contoh binatang al-an'am yang disyariatkan akikah. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** perkara sunat akikah. [2 markah]
- (iii) Terangkan **dua** hikmah disyariatkan akikah. [4 markah]

- (b) (i) Apakah maksud solat sunat dhuha? [2 markah]
- (ii) Jelaskan kaifiat solat sunat dhuha daripada aspek bilangan rakaat dan cara pelaksanaannya. [2 markah]



- (c) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan qisas? [2 markah]
 (ii) Nyatakan **dua** jenis kesalahan di bawah hukuman qisas. [2 markah]



- (iii) Gambar di atas menunjukkan mangsa perbuatan jenayah simbah asid. Sejauhmanakah hukuman qisas dapat membendung jenayah tersebut? Kemukakan pendapat anda. [4 markah]
- 4 (a) (i) Nyatakan **dua** sumbangan Harun al-Rasyid bin Muhammad al-Mahdi. [2 markah]
 (ii) Terangkan **dua** faktor kegemilangan kerajaan Abbasiyyah dalam aspek ketenteraan. [4 markah]

232 pelajar terima biasiswa Skim Pembiayaan Hafiz 2021

PUTRAJAYA: Seramai 232 pelajar menerima penajaan biasiswa di bawah Skim Pembiayaan Hafiz (SPH) kelolan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang dikhususkan untuk pelajar huffaz al-Quran, tahun ini dengan nilai tajaan RM 3.33 juta.

Ketua Pengarah Jakim Datuk Abdul Aziz Jusoh berkata tajaan itu melibatkan empat pelajar di peringkat doctor falsafah, lapan di peringkat sarjana, 188 pelajar sarjana muda dalam negara, manakala selebihnya pelajar Malaysia di university luar negara di Mesir, Jordan dan Indonesia.


Sumber ubah suai: *ASTRO AWANI*, 24 Ogos 2021

- (iii) Inisiatif di atas merupakan salah satu usaha memajukan sistem pendidikan negara. Kemukakan pandangan anda terhadap usaha tersebut. [4 markah]
- (b) Ahmad bin Ibrahim merupakan tokoh yang disegani dan di hormati di Malaysia.
- (i) Nyatakan secara ringkas riwayat hidup Ahmad bin Ibrahim. [2 markah]
 (ii) Jelaskan **dua** sumbangan Ahmad bin Ibrahim. [4 markah]
 (iii) Terangkan **dua** iktibar yang boleh diambil daripada keunggulan tokoh. [4 markah]

- 5 (a) (i) Nyatakan **dua** adab terhadap orang sakit daripada aspek emosi.
 (ii) Terangkan **dua** hikmah beradab ketika menjaga orang sakit.

[2 markah]

[4 markah]



- (iii) Sekiranya rakan anda mengalami situasi di atas, bagaimanakah anda membantunya dalam persediaan untuk menunaikan solat? Huraikan.

[4 markah]

فَاسْتَقِمْ كَمَا أُمِرْتَ ...

(Surah hud: 112)

- (b) Ayat di atas merupakan dalil naqli berkaitan tuntutan bersifat istiqamah.

- (i) Apakah maksud istiqamah?

[2 markah]

- (ii) Jelaskan **dua** contoh sifat istiqamah yang boleh dicontohi daripada Rasulullah SAW.

[4 markah]



Gambar 1



Gambar 2

- (iii) Berdasarkan **gambar 1** dan **gambar 2**, yang manakah menepati konsep istiqamah? Kemukakan pendapat anda.

[4 markah]